

# **DASAR DAN GARIS PANDUAN UNTUK MEMBENARKAN KERUGIAN TERKUMPUL DAN ELAUN MODAL YANG TIDAK DISERAP DIBAWA KE HADAPAN**

## **1. PENGENALAN**

Mulai tahun taksiran 2006, kerugian terkumpul dan elaun modal yang tidak diserap oleh sesebuah syarikat tidak lagi dibenarkan dibawa ke hadapan apabila terdapat perubahan 50% atau lebih dalam pemegangan ekuitinya.

## **2. DASAR**

Kementerian Kewangan melalui suratnya bertarikh 7 Disember 2007 telah menggantikan dasar dan garis panduan yang dikeluarkannya pada 21 April 2006, mengenai peraturan untuk membenarkan kerugian larasan perniagaan yang terkumpul serta elaun modal yang tidak dapat diserap dibawa ke hadapan untuk dibenarkan diserap dalam tahun taksiran itu dan dalam tahun-tahun taksiran berikutnya selaras dengan kuasa Menteri di bawah seksyen 44(5D) dan perenggan 75C, Jadual 3, Akta Cukai Pendapatan 1967. Dasar baharu ini dianggap berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2006, adalah seperti berikut:

**Sesebuah syarikat yang mengalami perubahan sebahagian besar dalam pemegangan syer (iaitu 50% atau lebih) adalah dibenarkan membawa ke hadapan kerugian larasan perniagaan terkumpul dan elaun modal yang tidak diserap untuk diserap dalam tahun taksiran itu dan dalam tahun-tahun taksiran seterusnya KECUALI perubahan sebahagian besar pemegangan syer yang berlaku dalam syarikat *dormant*.**

## **3. PERMOHONAN BAGI KES DI LUAR DASAR**

Bagi kes di luar dasar yang dinyatakan di perenggan 2 di atas, permohonan untuk mendapatkan pertimbangan berdasarkan merit kes boleh dikemukakan kepada YB Menteri Kewangan melalui alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Bahagian Analisa Cukai  
Tingkat 7, Blok Tengah  
Presint 2  
62592 PUTRAJAYA

(u.p.: Y. Bhg Datuk Aziyah bte Bahauddin)

Telefon: 03-8882 3330

Faks: 03-8882 3884